



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**SEMPENA PROGRAM PEMULIHARAAN PESISIRAN PANTAI
BERSAMA KOMUNITI DAERAH PEKAN, PAHANG**

PADA 29 APRIL 2018 (AHAD)

1. YB. Datuk Seri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah merasmikan Program Pemuliharaan Pesisiran Pantai Bersama Komuniti Daerah Pekan, Pahang anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bertempat di Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu Kuala Pahang, Pekan, Pahang pada hari ini.
2. Turut hadir ialah YBhg. Dato Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha NRE dan YB Dato' Haji Ishak bin Muhamad, Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri Pahang dan Dato' Hj. Nor Akhirrudin Bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.
3. Hutan adalah warisan semulajadi yang merupakan sumber yang tidak ternilai kepada manusia. Sumbangan hutan kepada kesejahteraan masyarakat adalah amat besar. Ini kerana, hutan memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan ekosistem termasuklah memastikan kestabilan iklim dan alam sekitar, pemuliharaan dan pemeliharaan biodiversiti yang tidak ternilai serta bekalan sumber air bersih. Dalam hal ini, hutan adalah aset semulajadi negara yang bernilai

tinggi. Oleh yang demikian, program pemuliharaan seumpama ini adalah amat bertepatan.

4. Hutan pesisiran pantai di negara ini merupakan aset yang sangat berharga yang perlu dipelihara dan dipulihara. Kepentingan Hutan Pesisiran Pantai yang utama adalah daripada segi perkhidmatan ekologi yang menyumbangkan secara terus kepada kesejahteraan hidup masyarakat melalui kawalan iklim yang merangkumi peranan sebagai lindungan semulajadi dan zon penampang bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam iaitu sebagai benteng untuk memecah, menahan dan mengurangkan daya kekuatan pukulan ombak daripada laut yang sering memukul pantai. Selain itu bertindak sebagai jaminan keselamatan makanan (food security) dan sosioekonomi masyarakat tempatan. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam memastikan kewujudan serta kelangsungan fungsi dan sumbangaan Hutan Pesisiran Pantai dapat terus dipelihara.

5. Malaysia komited dalam pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan hutan pesisiran pantai akan sentiasa berusaha untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pihak kementerian melalui agensi-agensi yang berkaitan dengan hutan dan alam sekitar sentiasa peka dengan perkembangan ini. Banyak peruntukan telah disalurkan oleh kerajaan untuk mencapai matlamat ini. Menyedari kepentingan hutan termasuk Hutan Pesisiran Pantai kepada kesejahteraan masyarakat, Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan perhatian serius kepada pengurusan dan pembangunan hutan negara melalui sokongan berterusan di bawah program-program dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia terutamanya Program Penanaman Pokok Bakau,

Spesies-Spesies Yang Bersesuaian Di Pesisiran Pantai Negara dan lain-lain program yang berkaitan.

6. Sepanjang Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia (RMKe-10) dari tahun 2005 hingga 2015, Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai di Persisiran Pantai Negara telah memperuntukan sebanyak RM45,287,810.00 bagi pelaksanaan aktiviti tanaman, rawatan, penyelenggaraan, pembangunan kajian R&D, pemantauan dan penilaian kawasan tanaman serta kempen kesedaran masyarakat.

7. Sepanjang tempoh sedekat, seluas 2,605 hektar telah berjaya ditanam dengan tanaman sejumlah 6.3 juta pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai negara. Program tananman ini meliputi kawasa –kawasan persisiran pantai yang terosot di semua negeri Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

8. Terdapat banyak usaha yang telah dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dalam pelaksanaan program-program penanaman pokok yang melibatkan penduduk setempat, badan-badan bukan Kerajaan (NGO's) serta badan korporat. Program penanaman ini dilaksanakan termasuklah di kawasan Tanah Tinggi Cameron Highlands, kawasan pesisiran pantai dan tasik, serta bekas kawasan teroka. Usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan kestabilan alam sekitar tetapi juga mendokong aspirasi kerajaan terutamanya dalam hal melibatkan komitmen kerajaan dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan, pengurusan dan pembangunan sumber hijau di negeri ini.

9. Pemilihan Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu Pekan sebagai tapak program ini adalah bertujuan untuk mewujudkan zon lindungan semula jadi bagi keselamatan penduduk pesisir pantai khususnya kepada penduduk selain memulihara pesisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah; mewujudkan zon penampang bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar dan memulihkan habitat pesisiran yang menjadi koridor kepada kepelbagaiannya biologi serta memperkayakan hasil pantai, dan meningkatkan kualiti alam sekitar serta nilai estetikanya.

10. Pihak Kementerian juga difahamkan panjang pantai Negeri Pahang dari Cherating hingga ke Rompin adalah sepanjang 184.31km. Penanaman pokok persisir pantai juga dapat membantu mengekang dari hakisan pantai selain dapat menjadi kawasan tarikan eko-pelancongan baru di kawasan ini.

11. Justeru itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang akan terus dapat meningkatkan kerjasama dengan penduduk setempat, badan bukan Kerajaan mahupun badan korporat dalam usaha-usaha pemuliharaan ini supaya komitmen kerajaan negeri terhadap usaha ini dapat direalisasikan. Hubungan erat yang terjalin perlu terus dikekalkan serta dipertingkatkan lagi kerana pengurusan hutan yang berkesan dan berkekalan memerlukan penglibatan yang bersepadu dari pelbagai pihak.

12. Kawasan Hutan Pesisiran Pantai yang telah dipulihara di bawah Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Bersesuaian di Pesisiran Pantai Negara oleh jabatan perhutanan negeri dengan kerjasama masyarakat tempatan terus dipelihara dan dapat

dikekalkan. JPSM melalui NRE akan merangka program yang khusus dalam program-program menjana ekonomi melalui pelaksanaan Pemerksaan Ekonomi Bumiputera di Semenanjung Malaysia. Insentif kewangan dan projek berdaya saing seperti pengeluaran bahan tanaman pokok hutan di Semenanjung Malaysia perlulah di buat dengan mewujudkan komuniti yang dapat menjana pendapatan baru menerusi hutan.

Untuk Maklumat Lanjut:-

1. Dato' Hj. Nor Akhirrudin B. Mahmud
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Tel: 603-2616 4488 (Samb: 405)
e-mel: akhirrudin@forestry.gov.my
2. En. Mohd Yussainy B. Md Yusop
Ketua Unit Komunikasi Korporat & Perhubungan Awam
Tel: 03-26164549 (Ext: 549)
E-mel: yussainy@forestry.gov.my